

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN
HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 17.05.2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 130

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Jalan Bawang Obor / Ukong / Mendamit / Mentawal Fasa 2 akan dilaksanakan dan dapatkah penyelenggaraan Jalan Bawang Obor / Ukong / Mendamit / Mentawal Fasa 1 dilaksanakan untuk "*rehabilitate*" semula kerana keadaan jalan yang sudah teruk.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bawang Obor / Ukong / Mendamit / Mentawal Fasa 2 sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tidak disenaraikan dalam projek Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Tahun 2016. Sekiranya Yang Berhormat ingin mencadangkan pelaksanaan projek ini, maka adalah dinasihat supaya Yang Berhormat memohon dengan pihak Kerajaan Negeri untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri dan dikemukakan kepada Kementerian ini untuk pertimbangan dan mengemukakannya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan EPU, JPM dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Projek Jalan Bawang Obor / Ukong / Mendamit / Mentawal Fasa 1 tiada dalam senarai projek yang dilaksanakan oleh Kementerian ini. Walau bagaimanapun, buat masa ini

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
16 MEI HINGGA 26 MEI 2016

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 17 MEI 2016 [SELASA]

SOALAN :

**Yb Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta PERDANA
MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk melaksanakan
pengagihan pendapatan negara secara adil dan saksama.**

Kementerian ini sedang melaksanakan Projek Jalan Bawang Ubor / Kg. Ukong / Ulu Tubai, Bahagian Limbang, Sarawak. Projek ini mula dilaksanakan pada Oktober 2011 dan dijangka siap pada Jun 2016. Status terkini projek adalah 98% jadual berbanding 95.5% sebenar. Kelewatan adalah disebabkan oleh kerja – kerja letupan yang tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang dijadualkan. Pihak Kementerian sedang memantau rapi pelaksanaan projek ini secara berkala mingguan.

7. Pelan Tindakan AEC 2016-2025 yang menggariskan langkah-langkah strategik untuk dilaksanakan di rantau ASEAN untuk tempoh 10 tahun akan datang mengandungi ciri-ciri utama seperti berikut:

- (i) Ekonomi yang Bersepadu dan Kohesif;
- (ii) ASEAN yang Kompetitif, Inovatif dan Dinamik;
- (iii) Kesalinghubungan dan Kerjasama Sektoral yang Diperkukuhkan;
- (iv) ASEAN yang Berdaya Tahan, Inklusif, Berorientasi Rakyat dan Mesra Rakyat; dan
- (v) Pewujudan Global ASEAN.

8. Pelan Tindakan AEC 2016-2025 yang menggariskan langkah-langkah strategik untuk dilaksanakan di rantau ASEAN untuk tempoh 10 tahun akan datang mengandungi ciri-ciri utama seperti berikut:

- (vi) Ekonomi yang Bersepadu dan Kohesif;
- (vii) ASEAN yang Kompetitif, Inovatif dan Dinamik;
- (viii) Kesalinghubungan dan Kerjasama Sektoral yang Diperkukuhkan;
- (ix) ASEAN yang Berdaya Tahan, Inklusif, Berorientasi Rakyat dan Mesra Rakyat; dan

(x) Pewujudan Global ASEAN.

9. Diantara usaha yang akan terus dilaksanakan adalah:

- (i) meneruskan agenda integrasi ekonomi di rantau ini dengan usaha-usaha menangani halangan-halangan bukan tariff atau *non-tariff barriers*;
- (ii) memperkukuhkan integrasi sektor kewangan dan pasaran modal ASEAN;
- (iii) Aliran pergerakan tenaga mahir di rantau ini;
- (iv) Memperkukuhkan integrasi sektor ekonomi seperti pengangkutan, tenaga, telekomunikasi, pertanian, sains dan teknologi dan perkhidmatan kesihatan; dan
- (v) Memperkukuhkan kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang baru seperti amalan tadbir urus yang baik (*good regulatory practices – GRP*) dan *global megatrend* serta isu-isu baru berkaitan perdagangan (*emerging trade related issues*).

10. Selaras dengan hasrat untuk mewujudkan satu rantau ASEAN yang bersepadu sepenuhnya ke dalam ekonomi global, Pemimpin dan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN akan terus mempertingkatkan kerjasama dengan rakan-rakan dagang utama iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, India, Australia dan New Zealand serta merencanakan kerjasama ekonomi dengan Kanada, Amerika Syarikat, Kesatuan Rusia, Kesatuan

Eropah dan lain-lain. Di samping itu, ASEAN juga sedang memuktamadkan beberapa perjanjian perdagangan dengan Rakan Dialog iaitu ASEAN-Hong Kong (AHKFTA) dan Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*–RCEP). ASEAN mengakui bahawa masih terdapat banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk merealisasikan potensi sebenar dan bagi ASEAN untuk menjadi rantau yang lebih berdaya saing di peringkat global. Pembentukan AEC adalah satu pencapaian bersejarah dan ia dijangka menyediakan momentum untuk integrasi ekonomi dan kewangan di rantau ini.

11. Langkah-langkah liberalisasi dan integrasi ekonomi yang telah dilaksanakan oleh ASEAN ini telah berjaya meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan ASEAN sebagai satu rantau ekonomi yang berdaya saing, berintegrasi dan inklusif. Ia juga terus menyumbang kepada merapatkan jurang perbezaan diantara negara –negara anggota ASEAN.